

APLIKASI PEMBANGUNAN BAHAN PENGAJARAN DAN PENGENDALIAN KELAS ATAS TALIAN DI UiTM CAWANGAN PULAU PINANG

Azlina Mohd Mydin, Rafizah Kechil, Wan Anisha Wan Mohammad
azlin143@uitm.edu.my, rafizah025@uitm.edu.my, wanan122@uitm.edu.my

Jabatan Sains Komputer & Matematik (JSKM),
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang, Malaysia

ABSTRAK

Serangan pandemik COVID-19 di Malaysia pada awal tahun 2020 telah menghadkan sesi Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) secara secara bersemuka. Bagi memastikan sesi PdP berjalan, pihak UiTM telah mengambil keputusan untuk menjalankan sesi PdP secara Pendidikan Jarak Jauh Terbuka (Open and Distance Learning, ODL). Para pensyarah diberi latihan dan taklimat secara atas talian bagi memastikan mereka bersedia dan mempunyai kemahiran sebelum sesi PdP secara ODL dilaksanakan. Di UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP), Unit e-Pembelajaran diberi tanggungjawab bagi memastikan semua pensyarah mahir menggunakan aplikasi atas talian yang dicadangkan. Beberapa siri kursus diadakan mengikut fakulti dan jabatan masing-masing. Artikel ini akan membincangkan kursus yang diadakan kepada pensyarah-pensyarah UiTM CPP bagi meningkatkan kemahiran mereka dalam pembangunan bahan pengajaran dan pengendalian kelas secara atas talian. Aplikasi-aplikasi yang diperkenalkan agak mudah dan para pensyarah kebanyakannya tidak mempunyai masalah menggunakan aplikasi-aplikasi tersebut. Malahan kursus ini telah berjaya membuka mata para pensyarah untuk menggunakan teknologi terkini semasa mengajar. Mereka tidak lagi terikat dengan cara tradisional iaitu hanya menggunakan papan putih sahaja ketika proses PdP berlaku.

Kata kunci: *aplikasi, pembangunan, bahan pengajaran, pengendalian kelas, atas talian*

Pengenalan

Perubahan dari pembelajaran bersemuka berubah sepenuhnya kepada pembelajaran Pendidikan Jarak Jauh Terbuka (*Open and Distance Learning*, ODL) diseluruh sistem UiTM bermula dari 13 April 2020 iaitu semasa fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 1 Julai 2020 semasa fasa Perintah Kawalan Pergerakan Permulihan (PKPP) disebabkan pandemik COVID-19. Perubahan ini memerlukan para pensyarah mengenal pasti kaedah pembelajaran atas talian yang sesuai dengan mereka. Bermula dari tarikh 18 Mac sehingga 12 April, hampir 700

pensyarah UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) telah diberi taklimat dan kursus di atas talian bagi membantu mereka mengenalpasti kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang sesuai.

Unit e-Pembelajaran UiTM Cawangan Pulau Pinang telah mengadakan kursus atas talian bagi membantu para pensyarah menguasai ODL. Sebagai permulaan kepada PdP atas talian, ahli jawatankuasa kampus dan fakulti mengadakan kursus menggunakan sidang video Google Meet bagi memberi penerangan. Penggunaan teknologi sidang video merupakan satu inovasi dalam proses PdP (Siti Hajar, Shukri & Mohd Razha, 2012). Siti Hajar, 2019 dalam artikelnya juga menyatakan bahawa proses penyampaian PdP perlu seiring dengan kemajuan teknologi.


Di UiTM, serangan COVID-19 tidak menjejaskan pihak universiti dalam meneruskan sesi pembelajaran kerana berdasarkan tinjauan yang dijalankan ke atas pelajar, hampir semua pelajar bersedia untuk meneruskan sesi pembelajaran dan mempunyai akses internet serta peranti mudah alih (covid19uitm, 2020). Akses ke internet dan peranti mudah alih memberi peluang besar kepada orang ramai untuk membuka dan meneruskan pendidikan (Maryam Farahmand Khanghah & Siti Hajar Binti Halili, 2015). Bagi pelajar yang tidak mempunyai akses internet, sesi PdP dijalankan melalui pos, telefon dan juga sistem pesanan ringkas.

Emeritus Professor Dato Dr Hassan Said, 2019 menyatakan bahawa peranti pintar, media canggih, jaringan internet dan teknologi media sosial merupakan faktor penyumbang kepada perubahan besar dalam cara kita mendidik untuk mencapai Pendidikan 5.0. Pandemik COVID-19 ini secara tidak langsung telah memuka ruang kepada UiTM membawa universiti mencapai Pendidikan 5.0 dengan menggunakan aplikasi teknologi terkini dan peranti pintar dalam menjalankan PdP.

Pembangunan dan Peyampaian

Dalam sesi kursus yang dijalankan para pensyarah diperkenalkan dengan pelbagai aplikasi dan perisian yang membantu mereka dalam pembangunan bahan pengajaran. Rajah 1 menunjukkan dua bentuk pembahagian aplikasi yang diajar dalam sesi kursus yang dijalankan. Satu aplikasi

yang memfokuskan pembangunan bahan pengajaran dan satu lagi aplikasi yang menunjukkan cara pengendalian atau penyampaian kelas atas talian.






Rajah 1: Pembahagian bentuk aplikasi

Aplikasi Pembangunan Bahan Pengajaran

Dalam zaman berteknologi tinggi sekarang ini, terdapat jutaan perisian dan aplikasi yang boleh membantu dalam pembangunan bahan pengajaran di pasaran. Unit e-Pembelajaran dari UiTM CPP telah mengenalpasti beberapa perisian yang boleh dikendalikan dengan mudah oleh pensyarah boleh diguna pakai untuk semua jenis subjek. Di antara perisian yang dipilih adalah *Pow Toon*, *Biteable*, *Screencast O Matic*, *QuickTime*, *H5P* dan *i-learn*. Jadual 1 menerangkan secara ringkas penggunaan setiap perisian tersebut.

Jadual 1: Perincian Perisian untuk aplikasi penyediaan bahan pengajaran

Antara muka Perisian



Perincian/Penerangan

Screencast O Matic

Merupakan perisian atas talian yang digunakan untuk merakam video. Ianya boleh digunakan dengan mudah dan senang.

Open Broadcaster Software


Merupakan perisian yang digunakan untuk merakam video. Ianya juga boleh digunakan untuk membuat video konferansi

Pow Toon

Ini merupakan satu perisian atas talian untuk membuat persembahan video yang menarik. Persembahan video yang dibuat dengan menggunakan aplikasi *tools* yang terdapat dalam perisian ini.


Biteable

Perisian ini digunakan untuk menyediakan persembahan video yang pendek dan menarik.




H5P

Ini adalah satu perisian atas talian yang digunakan untuk menyediakan penilaian seperti latihan dan tugas.



Quick Time

Merupakan perisian yang digunakan untuk merakam video. Ianya terdapat dalam pelbagai versi yang sesuai dengan computer pengguna.






i-Learn

Merupakan aplikasi yang disediakan oleh UiTM khas untuk pengajaran atas talian. Aplikasi ini membolehkan pensyarah membuat latihan dan penilaian dengan mudah.

Aplikasi Penyampaian Pengajaran

Bagi menjalankan kelas secara atas talian, pensyarah perlu merancang menggunakan aplikasi penyampaian yang sesuai dengan keperluan. Jadual 2 menunjukkan antara muka aplikasi dan penerangan tentang aplikasi-aplikasi tersebut.

Jadual 2: Perincian Perisian untuk aplikasi Penyampaian Pengajaran

Antara muka Aplikasi	Perincian/Penerangan
	<p><i>Google Classroom</i></p> <p>Merupakan aplikasi atas talian yang digunakan untuk menjalankan kelas atas talian. Ia merupakan aplikasi yang disediakan oleh Google. Disini para pensyarah dan pelajar boleh saling berkomunikasi. Disini juga, para pensyarah boleh membuat penilaian.</p>
	<p><i>Microsoft Teams</i></p> <p>Merupakan satu hub yang membolehkan semua merekod dan meyimpan semua aktiviti yang dijalankan di dalam kumpulan-kumpulan kecil. Ianya juga menyediakan aplikasi konferansi video.</p>
	<p><i>Padlet</i></p> <p>Ini merupakan satu aplikasi yang membolehkan para pensyarah menyediakan nota menarik dan terus diletakkan dia atas talian agar boleh dicapai oleh pelajar.</p>

Kesimpulan

Sebagai seorang pensyarah dan pendidik, sebarang rintangan dan cabaran tidak harus dijadikan penghalang dalam menyampaikan ilmu. Para pensyarah perlu menyesuaikan diri dengan keadaan semasa contohnya serangan COVID-19 yang menyebabkan PdP tidak dapat berjalan

secara bersemuka. Jika dahulu, kebanyakan pensyarah lebih selesa mengajar secara bersemuka dengan pelajar menggunakan papan putih. Kini kaedah bersemuka tidak lagi sesuai, para pensyarah perlu bertindak pantas dan kreatif dalam menyesuaikan diri dengan teknologi terkini yang dapat membantu mereka menjalankan PdP. Aplikasi-aplikasi yang disediakan di atas talian perlu diteroka oleh para pensyarah bagi membolehkan mereka berada dilandasan yang betul seiring dengan Pendidikan 5.0 yang hendak dicapai oleh UiTM.

Rujukan:

- Covid19uitm (2020). *Kajian kesediaan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran maya*.
<https://sites.google.com/uitm.edu.my/covid19uitmhea/home>
- Hassan Said (2019). *Moving Into the Next*. Education 5 at UiTM - UiTM Academic Compass. UiTM Press.
[https://hea.uitm.edu.my/v3/downloads/Forms&Manuals/Education%205%20at%20UiTM%20-%20UiTM%20Academic%20Compass%20\(3.5.2019\).pdf](https://hea.uitm.edu.my/v3/downloads/Forms&Manuals/Education%205%20at%20UiTM%20-%20UiTM%20Academic%20Compass%20(3.5.2019).pdf)
- Maryam Farahmand Khanghah dan Siti Hajar Binti Halili (2015). *Design and development of mobile learning application*. The Online Journal of Distance Education and e-Learning. Volume 3, Issue 2.
- Siti Hajar Halili, Shukri Sulaiman dan Mohd Razha Abd. Rashid (2012). *Aplikasi prinsip pembelajaran dewasa knowles dengan penggunaan mod penyampaian teknologi sidang video dalam kalangan pelajar jarak jauh*. ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education 4 (2), 79-90.
- Siti Hajar Halili (2019). *Technological advancements in education 4.0*. The Online Journal of Distance Education and e-Learning, January 2019 Volume 7, Issue 1.